



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK"

Ruj.Kami : JPNPk.SPM.KOKU600-3/5/11 Jld. (26)
Tarikh : 19 April 2024

Pengarah

Jabatan Pusat Pembelajaran dan Satelit
Petrosains, The Discovery Centre
Suria KLCC
Petronas Twin Tower
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Surat daripada pihak tuan PSB/LSC/LD-O/43.2.1/24/030 bertarikh 15 April 2024 adalah berkaitan.

2. Sehubungan itu dimaklumkan bahawa pihak jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak **Petrosains** menjalankan program tersebut. Namun begitu, ia haruslah mematuhi garis panduan berikut:

- 2.1. Mendapat **kebenaran dan persetujuan** daripada **pengetua atau guru besar** sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 2.2. Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.3. Penyertaan murid hendaklah **secara sukarela** dan mendapat **kebenaran secara bertulis** daripada **ibu bapa/ penjaga**.
- 2.4. Surat ini **tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan** daripada mana-mana pihak;
- 2.5. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.6. **Tiada implikasi kewangan** kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid terlibat;
- 2.7. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berhak menarik balik surat kelulusan atau kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.
- 2.8. Pihak Penganjur dimohon mengemukakan surat permohonan pengiktirafan dan satu salinan laporan program format seperti di **Lampiran A** kepada Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), Sektor Pembangunan Murid, JPN Perak untuk tujuan pengiktirafan program bagi tahun semasa dan pemarkahan kokurikulum selewat-lewatnya 30 hari selepas tamat program.

3. Maklum balas permohonan ini hanya untuk **Petrosains** bagi kebenaran program yang dimohon sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak.


4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di jabatan ini **Mohd E'fa bin Khadri (Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid)** di talian **018-5778433**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZULKAFLI BIN MOHAMED MOKHTAR, P.M.P.)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

"PERAK SEJAHTERA 2030"

LAMPIRAN A**LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)**

- 1.0 Nama Program/Aktiviti**
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan**
- 3.0 Mod Pelaksanaan**
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa)**

| BIL | SEKOLAH | DAERAH / NEGERI / NEGARA | JANTINA | | BANGSA | | | | JUMLAH | |
|---------------|---------|--------------------------------|---------|---|--------|------|-------|-----------|--------|------|
| | | | L | P | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | MURID | GURU |
| 1 | | | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | | | | | |
| 7 | | | | | | | | | | |
| 8 | | | | | | | | | | |
| 9 | | | | | | | | | | |
| JUMLAH | | | | | | | | | | |

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti**
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan Yang Diturunkan (**Jika berkaitan)**
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (**Jika berkaitan)**
- 8.0 Pemenang (**Jika berkaitan)**
- 9.0 Isu dan cabaran**
- 10.0 Cadangan penambahbaikan**
- 11.0 Gambar**

Disediakan Oleh:

Tarikh: